



KENYATAAN MEDIA

12 Mac 2020

untuk siaran segera

WAKAF MAIK MUAMALAT RASMIKAN PUSAT LATIHAN MUALAF

Tumpat, Khamis 12 Mac: Wakaf Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan Muamalat (Wakaf MAIK Muamalat) hari ini merasmikan Pusat Latihan Mualaf di Mukim Kok Keli, Tumpat, Kelantan. Bangunan Pusat Latihan Mualaf adalah sebuah fasiliti penginapan sementara untuk *mualaf* atau saudara baru di Kelantan, dan telah dibaik pulih pada nilai hampir RM370,000.00 melalui sumbangan Wakaf Muamalat (Wakaf MAIK Muamalat). Penghuni Pusat ini akan diberi peluang menginap sementara untuk tempoh 3 hingga 6 bulan sehingga mereka dapat menguruskan diri sendiri mereka dari segi pengetahuan agama.

Perasmian ini telah disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bersama Wakaf MAIK Muamalat merangkap Yang Dipertua MAIK, YBM Tengku Tan Sri Dato' Haji Mohamad Rizam Tengku Aziz. Turut hadir di majlis tersebut ialah ahli pengurusan MAIK dan Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat).

Ketua Divisyen Syariah Bank Muamalat, Mohd. Izuwan Mahyudin dalam ucapannyanya berkata jelaskandana yang dikutip akan diuruskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bersama yang dianggotai wakil-wakil daripada Bank Muamalat dan MAIK. Jawatankuasa ini akan merangka dan melaksanakan aktiviti-aktiviti wakaf terutamanya dalam sektor pendidikan, kesihatan, dan pemerkasaan ekonomi termasuk pelaburan yang difikirkan sesuai.

Beliau turut menyatakan Bank Muamalat bersama-sama lima buah bank-bank Islam yang lain telah bekerjasama dengan majlis-majlis agama Islam di peringkat negeri dalam memajukan dana wakaf bagi berbagai tujuan kemasyarakatan di bawah inisiatif yang dinamakan sebagai Mywakaf.

Wakaf MAIK Muamalat merupakan inisiatif kutipan dan agihan dana wakaf tunai yang telah dilancarkan pada bulan Januari 2018 yang bertujuan memberi kemudahan kepada pelanggan-pelanggan Bank serta orang awam untuk berwakaf. Program ini merupakan usahasama di antara Bank Muamalat dan MAIK (MAIK).

- TAMAT -

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi:

Saidatul Leiza Suleiman: +6011 1061 5266 | leiza@muamalat.com.my